



**KEMENTERIAN
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

PLANMalaysia

Perancangan Melangkaui Kelaziman
Planning: Beyond Conventional



TEKS UCAPAN ALUAN

**YB DATO' SRI REEZAL MERICAN NAINA MERICAN
MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

SEMPENA

**MAJLIS SAMBUTAN 100 TAHUN
PROFESION PERANCANG BANDAR DI MALAYSIA
SEMPENA HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA
TAHUN 2021 PERINGKAT KEBANGSAAN**

17 NOVEMBER 2021

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan salam Keluarga Malaysia. Terima kasih kepada pengacara majlis, saudara *Ahmad Fedtri Yahya*.

YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob
Perdana Menteri Malaysia

YB Dato' Sri Dr. Hj Ismail bin Hj. Abd. Muttalib
Timbalan Menteri Kementerian Perumahan dan Kerajaan
Tempatan

YBhg. Datuk M Noor Azman bin Taib
Ketua Setiausaha, Kementerian Perumahan dan Kerajaan
Tempatan

**TPr (Town Planner) Gs (Geospatialist) Dr. Shamsaini binti
Shamsuddin**
Ketua Pengarah PLANMalaysia (**hadir secara maya**)

YBhg. Datuk TPr Hj. Mohd Faidzal bin Hamzah
Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan)

Datuk-Datuk Bandar, Yang Dipertua, Wakil-Wakil Kementerian, dan YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan yang bersama-sama memeriahkan majlis pada hari ini sama ada yang berada di dewan ini mahupun secara *online*.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, setinggi kesyukuran dipanjatkan atas keizinan Allah SWT, kita dapat berkumpul di hari yang penuh bermakna ini, iaitu **Majlis Sambutan 100 Tahun Profesion Perancang Bandar Di Malaysia (100PBM) sempena Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) Tahun 2021 Peringkat Kebangsaan.**
2. Dan saya ingin menzahirkan rasa terima kasih serta penghargaan **kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Perdana Menteri Malaysia atas kehadiran YAB bagi merasmikan sambutan ini.** Ini mencerminkan sokongan padu YAB kepada profesion Perancang Bandar di Malaysia dan semestinya akan menyuntik semangat kepada warga Perancang Bandar, yang saya dimaklumkan terdapat **seramai 537 Town Planner Berdaftar** serta **Siswazah atau bakal berdaftar berjumlah 394.**
3. Tidak lupa juga ucapan syabas dan tahniah kepada PLANMalaysia atas penganjuran sambutan ini. Sekalung penghargaan juga kepada semua warga Perancang Bandar yang turut mengikuti Majlis kita pada hari ini.

100 TAHUN PROFESION PERANCANG BANDAR

YAB Dato' Sri, Hadirin Hadirat Yang Dihormati,

4. Saya amat yakin, Majlis ini membawa makna yang cukup besar kepada semua para profesional yang terkait dengan bidang Perancangan Bandar dan Desa. Sambutan 100 tahun ini juga membawa makna, **sudah 'se-abad' lama, profesion ini mendokong sepenuhnya perencanaan pembangunan negara.**

5. Jika kita mengimbas kembali **sejarah Profesion Perancang Bandar di Malaysia**, ia telah secara rasminya bermula pada **tahun 1921**. Ketika itu, **Charles Crompton Reade dilantik** sebagai **"Penasihat Perancang Bandar" (Town Planning Advisor)** bagi kerajaan Persekutuan Tanah Melayu.

6. Tempoh 100 tahun yang pastinya, telah memamatkan profesion yang penting, signifikan dan dihormati ini. **Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172] juga telah melalui lima (5) kali pindaan;** membayangkan keperluan profesion ini bergerak seiring dengan realiti dan keadaan.

7. Berasaskan realiti semasa, profesion ini akan terus menjadi signifikan dan penting untuk dekad dan abad yang akan

datang. Sebaik sahaja YAB Perdana Menteri merangka frasa “**Keluarga Malaysia – Makmur, Inklusif dan Mampan**” sebagai tema utama Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12); saya berkeyakinan, bahawa kalangan *Professional Town Planner (TPPr)*, para Perancang Bandar akan menjadi kelompok paling penting dalam merealisasikan hasrat ini.

8. Aspirasi **kemakmuran, keterangkuman** dan **kelestarian yang digagaskan YAB Perdana** ini hanya mampu diterjemah dengan falsafah perancangan bandar yang bersifat ‘forward-looking’ dan berpandangan jauh.
9. Perancangan Bandar, hari ini, tidak lagi hanya melihat kepada aspek ‘struktural’ dan pembangunan infra semata-mata. Pandemik COVID-19 telah membuka keperluan penting perancangan bandar untuk melihat sama **aspek kemakmuran, mobiliti sosial, daya tahan ekonomi dan mitigasi** kemungkinan berlakunya kawasan bandar sebagai ‘**epi-centres**’ merebaknya wabak penyakit di masa akan datang.
10. Pada waktu ini, di peringkat global, ramai yang mula berbicara mengenai agenda perancangan bandar yang bersifat – “**pandemic-resilient city planning**”.

Perancangan bandar yang mengambil kira pengurusan risiko atau apa yang disebut '***Disaster Risk Management***' (**DRM**). Dalam suasana pasca-pandemik, elemen '***urban resiliency***' – dalam aspek perumahan dan ruang awam misalnya wajar dijadikan prioriti.

KPKT DAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN

YAB Dato' Sri, Hadirin Hadirat Yang Dihormati,

11. Menjenguk kepada Visi KPKT iaitu **Meneraju Kemakmuran Komuniti Bandar dan Persekitaran Mampan, Perancang Bandar berperanan penting** dalam memastikan visi ini dapat dicapai. Terutamanya **dalam menyediakan dasar dan susun atur pembangunan yang dirancang secara inklusif dan holistik.**

12. Perancang Bandar berpegang kepada **Doktrin Perancangan dan Pembangunan Sejagat** yang mengintegrasikan nilai kerohanian dalam perancangan di mana ia mengambil kira tiga (3) hubungan utama iaitu;
 - i. **Manusia dengan Pencipta;**
 - ii. **Manusia dengan Manusia; dan**
 - iii. **Manusia dengan Alam Sekitar.**

AGENDA MALAYSIA BERDAYA HUNI (LIVABLE MALAYSIA)

13. Antara prioriti saya pada masa ini ialah **memperkasa Agenda Malaysia Berdaya Huni (*Livable Malaysia*)**. Usaha dan ikhtiar untuk kita menyusun '**kerangka dan indeks daya huni**' model Malaysia kita sendiri, mesti disegerakan. '**Global Liveability Index**' yang diusahakan '**The Economist Intelligence Unit**' (EIU) tidak wajar menjadi model rujukan tunggal kita.

14. Jaringan Penunjuk Pembangunan Mampan Bandar-Luar Bandar Malaysia (*Malaysian Urban-Rural National Indicators Network for Sustainable Development*) atau **MURNINets** yang dibangunkan PLANMalaysia boleh menjadi kerangka teras Indeks Daya Huni Malaysia yang baru. Hasrat YAB Perdana Menteri untuk menzahirkan '**Key Happiness Outcome**' (Mekanisme Keberhasilan Kebahagiaan) juga boleh dicerap sama dalam kerangka nilai Indeks Daya Huni nanti.

BELANJAWAN 2022

15. Selain 'Indeks Daya Huni', **agenda perumahan rakyat** juga menjadi keutamaan kepada kami di KPKT. Saya ingin mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada YAB

Perdana Menteri dan Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan; yang telah mengambil kira cadangan-cadangan Kementerian ini dalam pembentangan Belanjawan 2022.

16. Agenda Perumahan untuk rakyat, khususnya kepada golongan berpendapatan rendah akan diteruskan. **Program Rumah Mesra Rakyat dan Bantuan Menyelenggara Perumahan Rakyat** diperuntukkan sebanyak RM1.5 bilion. **Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP)** sebanyak RM2 bilion, untuk membantu kumpulan yang tiada pendapatan tetap untuk memiliki kediaman – pastinya banyak membantu ‘Keluarga Malaysia’ di seluruh negara.

RANCANGAN FIZIKAL NEGARA 4 (RFN4) – AGENDA BERSAMA

17. Hari ini, kita turut akan menjadi saksi kepada **Pelancaran Rancangan Fizikal Negara Keempat (RFN4)**. Dokumen dasar yang saya harapkan dapat dihargai dan dijiwai oleh semua pembuat keputusan di setiap Kementerian, Agensi, Kerajaan Negeri serta peneraju PBT di seluruh negara.
18. Untuk makluman, tiga (3) pelan RFN ini telah kita sediakan, iaitu RFN Pertama pada tahun 2005, RFN Ke-2 pada tahun 2010 dan RFN Ke-3 pada tahun 2016. **RFN ini yang dikaji**

setiap lima (5) tahun adalah untuk memastikan kesesuaian RFN selaras dengan perubahan pesat dalam persekitaran fizikal, ekonomi, sosial dan alam semula jadi.

19. **RFN 4** ini akan terus mendokong aspirasi pembangunan tiga (3) RFN terdahulu dalam membentuk satu pelan pembangunan yang menyeluruh dengan **penekanan kepada aspek perancangan keselamatan negara, peningkatan infrastruktur digital, pembangunan bercirikan pintar, negara ke arah neutral karbon, jaminan sekuriti makanan negara dan pembangunan komuniti yang inklusif dan berdaya huni.**
20. Inilah waktu dan ketikanya, kita benar-benar mengamalkan **pendekatan keseluruhan kerajaan dan negara (*whole-of-government; whole-of-nation approach*)** dalam merencana pembangunan negara.

PENUTUP

21. Akhir kata, dalam era di mana isu dan cabaran pembangunan yang semakin kompleks, saya menyeru semua warga Perancang Bandar untuk bersama-sama merancang masa hadapan yang mampan dan sejahtera

untuk memastikan '***our future generation inherits a better world***'.

22. Ucapan syabas dan tahniah saya ucapkan kepada seluruh warga profesion ini atas sambutan 100 Tahun Profesion Perancang Bandar di Malaysia. Tidak lupa juga **selamat menyambut Hari Perancangan Bandar Sedunia Tahun 2021 Peringkat Kebangsaan.**

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.